



Ruj Tuan :

Ruj. Kami : PMT/UU/5/2

Tarikh : 2 Januari 2013

Semua Hakim Sesyen
Semenanjung Malaysia

Semua Majistret
Semenanjung Malaysia

Semua Pendaftar
Mahkamah Rendah
Semenanjung Malaysia

Tuan/Puan,

**PEKELILING PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI MALAYA BIL. 1/2013
PENDENGARAN PERMOHONAN PENGGANTUNGAN PELAKSANAAN
KEPUTUSAN MAHKAMAH SESYEN ATAU MAJISTRET BAGI KES-KES
KEMALANGAN JALANRAYA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sejak akhir-akhir ini terdapat banyak Permohonan Injunksi yang difailkan syarikat insuran atas Sijil Perakuan Segera di Mahkamah Tinggi berikutan keputusan pemberian pampasan oleh Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret dalam kes-kes kemalangan jalanraya.

3. Permohonan tersebut adalah bagi menghalang plantif atau mangsa dalam kes kemalangan jalanraya yang telah berjaya mendapat pampasan daripada mengemukakan Permohonan Penggulangan terhadap syarikat insuran sementara menunggu rayuan syarikat insuran didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi.

4. Di antara alasan yang diberikan oleh syarikat insuran semasa permohonan ialah terdapatnya kelewatan di pihak Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret mendengar dan memutuskan permohonan

syarikat insuran untuk menggantung pelaksanaan sesuatu keputusan mahkamah. Syarikat insuran juga memberikan alasan bahawa sekiranya rayuan mereka dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi, kebarangkalian untuk mendapatkan kembali wang gantirugi yang telah dibayar kepada mangsa kemalangan jalanraya adalah sangat tipis.

5. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan penyeragaman amalan berkenaan Permohonan Penggantungan Pelaksanaan yang melibatkan keputusan kes-kes kemalangan jalanraya, Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya telah mengarahkan supaya semua Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret yang mengendali Permohonan Penggantungan Pelaksanaan hendaklah mengambil langkah-langkah berikut:


- (a) Sejurus selepas difailkan, Permohonan Penggantungan Pelaksanaan hendaklah dibawa kepada perhatian Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret berkenaan.
- (b) Hakim atau Majistret berkenaan hendaklah terus menetapkan tarikh perbicaraan Permohonan Penggantungan Pelaksanaan tersebut.
- (c) Permohonan Penggantungan Pelaksanaan tersebut hendaklah didengar dan diputuskan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh permohonan difailkan.
- (d) Sekiranya Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret memutuskan untuk menolak Permohonan Penggantungan Pelaksanaan tersebut, Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret berkenaan bolehlah mengeluarkan suatu perintah sampingan yang mengarahkan syarikat insuran membayar wang pampasan tersebut ke dalam akaun *stakeholder* yang dipegang oleh peguam sementara menunggu keputusan rayuan syarikat insuran.

2. Arahan ini hendaklah berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' CHE MOHD RUZIMA BIN GHAZALI)

Pendaftar

Mahkamah Tinggi Malaya

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

s.k.

1. YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya.
2. YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya.
3. YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik, Petrajaya
Kuching, Sarawak.
4. Semua Hakim Pengurus
5. Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya.
6. Pendaftar Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya.
7. Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya